

'HUMS' Tanya Pakar platform teleperubatan pertama di Sabah

NST 22.5.2020 4

KOTA KINABALU: Wabak COVID-19 telah menyebabkan timbulnya perasaan gelisah dan khuatir dalam kalangan masyarakat awam, tatkala langkah memutuskan rantai COVID-19 menerusi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pula telah mengehadkan pergerakan orang awam untuk keluar dari rumah bagi mendapat khidmat nasihat.

Menyedari hal ini, pihak Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) telah mengambil inisiatif mewujudkan perkhidmatan Portal Tanya Pakar Perubatan UMS, satu perkhidmatan teleperubatan yang pertama di Sabah.

Portal yang boleh dilayari melalui laman web <https://tanyadoc.ums.edu.my> ini adalah selari dengan tanggung jawab HUMS selaku institusi perubatan yang berinovatif, bukan sahaja dari segi perisian dan keperluan teknologi maklumat, tetapi juga dalam aspek pelaksanaan model perkhidmatannya.

Menurut Ketua Seksyen Teknologi Maklumat HUMS, Mohd Nizar Hamild, portal ini menyediakan perkhidmatan kepada semua warga UMS dan orang awam yang ingin mendapatkan nasihat pakar-pakar perubatan dari HUMS dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS.

"Orang awam tidak lagi perlu ke Pusat Kesihatan Universiti bagi mendapatkan nasihat kesihatan pada peringkat awal, tetapi dapat berhubung dengan pakar-pakar perubatan UMS menerusi sidang video dalam slot Tanya Pakar Perubatan.

"Bagi mengelakkan sebarang masalah berkaitan isu privasi, portal Tanya Pakar menggunakan sistem konferen video

UMS HUMS

ADA SOALAN KESIHATAN? SMS SOALAN ANDA KE TANYA PAKAR

Format penghantaran taipkan:

HUMS TP kiah@gmail.com Saya ingin tahu kesan pengambilan ubat bagi ibu menyusukan anak

SMS ke 62002

Contoh penghantaran:

RMO: HUMS: TERIMA KASIH di atas pertanyaan anda. Pihak kami akan memberikan maklum balas dalam masa 3 hari bekerja menerusi emel yang disertakan.

Contoh penerimaan mesej:

RMO: HUMS: TERIMA KASIH di atas pertanyaan anda. Pihak kami akan memberikan maklum balas dalam masa 3 hari bekerja menerusi emel yang disertakan.

MASUK

persendirian MIRUBA yang direka cipta sendiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMS," katanya.

Sekiranya pemeriksaan awal ini mendapati bahawa pesakit perlu diperiksa lanjut secara bersempua, maka pakar perubatan UMS akan menjadualkan temu janji bersempua untuk pesakit yang akan diberi konsultasi secara maya di Poliklinik UMS yang turut dibuka kepada orang awam.

Pengarah Klinikal HUMS, Dr. Nicholas Pang memaklumkan, seramai lima orang pakar telah membuat telekonsultansi dalam tempoh seminggu selepas 'soft launch' perkhidmatan itu, dan rata-rata pelanggan telah memberi maklum balas yang positif terhadap perkhidmatan tersebut.

"Selain itu, pihak HUMS juga menyediakan satu lagi perkhidmatan tambah nilai 'SMS Tanya Pakar'", iaitu orang awam hanya perlu hantar SMS ke nombor 62002 dengan kata kunci tertentu.

"Sebagai contoh taip "HUMS TP kiah@gmail.com Saya ingin tahu kesan pengambilan ubat bagi ibu menyusukan anak."

"Pakar HUMS akan memberi maklumbalas sewajarnya pada email yang diberi dalam masa tiga hari bekerja," jelas Dr. Nicholas.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif HUMS, Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang menyarankan agar orang awam menggunakan perkhidmatan tersebut, yang merupakan antara keunikan HUMS berbanding dengan hospital lain.

"Daripada menunggu anda datang ke hospital, baik kami membawa hospital ke dalam poket anda."

"Perkhidmatan ini juga adalah salah satu daripada usaha HUMS membantu masyarakat beradaptasi dengan norma baharu yang diumumkan oleh Kerajaan dalam pelbagai perkhidmatan," katanya.

Ujar Prof. Dr. Helen, HUMS tidak boleh terus menggunakan cara yang telah diterima pakai sekian lama, tetapi HUMS atau mana-mana organisasi perlu melakukan inovasi tertentu atau disingkirkan daripada pasaran.

Justeru itu, warga UMS dan orang awam yang ingin mendapatkan perkhidmatan tersebut boleh membuat temuan-janji di <http://tanyadoc.ums.edu.my/> atau SMS soalan yang ingin ditanyakan kepada Tanya Pakar pada talian 62002 dengan format mesej "HUMS TP email@email.com soalan anda".

Sebarang pertanyaan lanjut juga boleh dimajukan ke emel tanya-pakar@ums.edu.my.